



Varia

Oleh
**DR. MOHD. ROSLAN
ROSNON**

SETIAP tahun pada tanggal 9 Ogos, kita menyambut dan merayakan Hari Orang Asal Sedunia. Sudah pasti tahun 2020 menjadi detik sejarah baharu apabila Hari Orang Asal Sedunia yang disambut baru-baru ini berhadapan dengan cabaran baharu ketika pandemik Covid-19.

Bertemakan *Orang Asal Mendepani Cabaran Covid-19* yang merujuk kepada cara, ketahanan dan kekuatan masyarakat pribumi dalam mengharungi pandemik ini.

Masyarakat pribumi perlu berani dan bersedia mendepani cabaran lebih mencabar ketika era baharu.

Masyarakat Orang Asal atau lebih dikenali sebagai Orang Asli di Malaysia perlu meningkatkan kesedaran mereka mengenai isu-isu berkenaan hak asasi manusia, alam sekitar, pembangunan, pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial dan pengekalan seni dan budaya.

Mereka juga perlu sedar bahawa deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Orang Asal yang mempunyai 46 artikel perlu difahami dengan baik supaya mereka dapat mengetahui hak-hak mereka dan mampu berdaya saing.

Seperti masyarakat lain, mereka telah mengalami perubahan, sama ada perubahan itu dirancang atau perubahan itu datang daripada komuniti itu sendiri.

Dalam pada itu, isu berkenaan kemunduran dan kemiskinan sering dikaitkan dengan komuniti ini sejak zaman berzaman.

Perubahan dibanggakan

Namun dari semasa ke semasa, mereka sebenarnya banyak mengalami perubahan kesan daripada hambatan globalisasi dan kemodenan.

Perlu ditegaskan, masyarakat Orang Asli di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sudah menerima perubahan demi perubahan saban tahun. Tidak ada masyarakat di dunia ini yang tidak berubah.

Jika kita lihat masyarakat pribumi hari ini, sudah ramai yang berjaya dan menempa nama dalam pelbagai bidang termasuk bidang keusahawanan, politik, pendidikan dan profesional.

Ini merupakan satu perubahan yang boleh dibanggakan.

Namun, penulis tetap optimis isu pendidikan dalam kalangan masyarakat pribumi perlu dipandang serius, diperhebatkan bantuan dan diberikan sokongan yang sewajarnya.

Teringat akan ungkapan Nelson Mandela iaitu pendidikan adalah senjata paling berkuasa yang kita boleh guna untuk mengubah dunia.

Dengan mendapat pendidikan, manusia boleh melakukan apa sahaja dan dapat mengubah dunia secara keseluruhannya.



BANYAK perubahan yang berlaku dalam kalangan Orang Asli di Malaysia selari dengan perkembangan dunia semasa. – GAMBAR HIASAN

Cabaran masyarakat Orang Asli di era globalisasi



PENDIDIKAN adalah medium penting untuk mengubah kehidupan anak-anak Orang Asli di negara ini. – GAMBAR HIASAN

Oleh itu, tidak ada salahnya jika ada pepatah yang mengatakan bahawa pendidikan adalah pelita bangsa.

Jika dilihat tema Hari Orang Asal Sedunia bagi masyarakat Orang Asli iaitu kanak-kanak, pendidikan merupakan elemen yang amat penting dalam kehidupan mereka bertujuan untuk mengubah masa depan.

Isu pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli sering menjadi perbincangan yang belum ada noktahnya sampai kini.

Inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk mengintegrasikan Orang Asli ke dalam arus perdana boleh dilihat sebagai langkah rangkuman sosial ke arah Malaysia yang lebih sejahtera dan

inklusif.

Sesungguhnya bidang pendidikan adalah agenda utama dan paling penting dalam pembangunan masyarakat Orang Asli.

Ini juga mekanisme utama dalam meningkatkan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat Orang Asli di negara ini.

Sudah pasti tahun 2020 dan akan datang memerlukan satu pandangan yang agak berbeza dan radikal daripada sebelumnya.

Bagi melakar masa depan anak-anak Orang Asli yang lebih gemilang, pertama kita perlu menyediakan sistem pendidikan rendah yang berteraskan jati diri dan budaya mereka.

Kedua, kita perlu meramalkan lagi dan memberi peluang kepada mereka untuk belajar di Sekolah Berasrama Penuh dan sekolah terbaik di Malaysia.

Berlatarbelakangkan keluarga yang serba sederhana dan sosio-ekonomi yang rendah, anak-anak masyarakat pribumi ini perlu diberi peluang untuk belajar di sekolah yang berprestij ini.

Lakar masa depan

Ketiga, kepada agensi tertentu yang berkaitan, diharapkan dapat memberikan tajaan kepada pelajar-pelajar dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Walaupun keputusan mereka dalam pendidikan tidak setanding dengan masyarakat lain, namun apa yang mereka capai hari ini adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Kita semua perlu berganding bahu dan punya rasa tanggungjawab dalam melakar masa depan anak-anak masyarakat pribumi untuk menjadikan mereka cemerlang dan gemilang.

Seterusnya, penglibatan masyarakat Orang Asli dalam penentuan dan pembuatan dasar pendidikan adalah penting bagi memastikan keperluan yang mereka inginkan dalam sistem pendidikan adalah berkacamatakan kepada tuntutan dan keperluan yang bersifat bawah-atas.

Penentuan nasib sendiri dalam kalangan masyarakat pribumi adalah penting bagi memastikan masyarakat ini menikmati pembangunan berdasarkan landskap dan pemikiran mereka sendiri.

DR. MOHD. ROSLAN ROSNON ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)